

31/08/2003

Dasar sederhana Malaysia dihormati

A Ghani Nasir

PALESTIN, Iraq dan Afghanistan mempunyai satu persamaan iaitu majoriti rakyatnya beragama Islam. Tetapi ada satu lagi persamaan di kalangan tiga negara itu - semuanya secara langsung atau tidak langsung menjadi sasaran Amerika Syarikat dalam memerangi keganasan.

Palestin menjadi sasaran askar Israel disokong Amerika yang mengecap pejuang Palestin sebagai ganas dan kejam manakala Iraq dan Afghanistan digempur oleh tentera AS dalam kempenya menghapuskan pengganas.

Dalam kemelut dan di tengah-tengah penderitaan rakyat tiga negara itulah, suara lantang Malaysia menentang tindakan unilateral AS dan konconya Israel dihormati hingga akhirnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diangkat sebagai jurucakap dan suara dunia Islam, khususnya sejak akhir-akhir ini.

Apa berlaku itu dengan sendirinya menaikkan nama Malaysia di mata dunia khususnya di kalangan negara Islam dan di persada antarabangsa, pandangan kita dihormati dan diminta bagi menghurai pelbagai isu.

Lebih penting lagi dasar Malaysia mengenai pelbagai isu besar yang menjejaskan dunia Islam mahupun krisis mata wang amnya, dianggap sebagai berfahaman sederhana dan boleh diterima semua pihak.

Berhubung krisis di Asia Barat, rakyat Palestin memang sudah lama menderita ditindas oleh Israel yang mendapat sokongan kuat Presiden George W Bush, tetapi persepsi AS terhadap Islam dan dunia Islam berubah dan menjadi konfrontasi selepas tragedi 11 September 2001 yang memusnahkan WTC di New York dan sebahagian Pentagon di Washington DC.

Bush menuduh Al-Qaeda sebagai kumpulan yang melancarkan serangan ganas itu dan bertindak melancarkan pengeboman terhadap Kabul kerana dituduh membenarkan pergerakan itu membina pangkalan di Afghanistan sedang Saddam Hussein pula dituduh menaja keganasan, kejam dan membina senjata pemusnah besar.

Ketika Dr Mahathir menemui Bush di Washington sebulan selepas tragedi 11 September itu, beliau sudah pun menekankan tidak ada gunanya memburu Al-Qaeda di Afghanistan dengan mengebom dan memusnahkan negara itu, tetapi AS tidak menghiraukan nasihat Malaysia.

Kesan serangan terhadap dua negara Islam iaitu Afghanistan dan kemudian Iraq tidaklah lain iaitu menambah lagi kebencian umat Islam terhadap Amerika.

Sebelum serangan terhadap Baghdad dilancarkan, Dr Mahathir turut memberi amaran tindakan ketenteraan Amerika itu sebenarnya tidak akan menyelesaikan punca keganasan, tetapi mencetuskan kebimbangan dan memuncakkan lagi kebencian dan kesangsian terhadap kuasa besar tunggal dunia itu.

Dr Mahathir berulang kali menarik perhatian masalah keganasan global ada kaitan dengan nasib dan masa depan rakyat Palestin. Ini kerana sejak penaklukan tentera Israel terhadap Palestin dan disokong kuat oleh Amerika pula, menyebabkan hubungan Washington dengan dunia Islam menjadi tegang dan keruh lantas melemahkan usaha membanteras keganasan.

Apatah lagi Washington tidak mengutuk langsung kekejaman dilakukan askar Israel terhadap penduduk Palestin malah sebaliknya menambah bekalan senjata canggih dan pemusnah besar Yahudi bagi menindas lagi orang Islam.

Namun, semua tindakan ketenteraan Amerika itu ditentang dan dibantah oleh Dr Mahathir yang berpendapat keganasan tidak boleh diperangi menerusi tindakan awalan ketenteraan.

Malah, tangkapan awal dan penahanan tidak akan mengakhirinya. Ini kerana dunia sebenarnya tidak dapat mengenal pasti pengganas dan mereka yang bakal menjadi pengganas.

"Semua serangan ketenteraan yang dilakukan hanya untuk menakutkan negara kecil dan mewujudkan ketegangan yang tidak perlu, nyata menjejaskan pemulihan ekonomi dunia.

"Penganas tidak takut. Cara untuk memerangi keganasan adalah untuk mencari punca dan menanganinya. Malaysia bercakap berdasarkan pengalaman dalam isu ini," kata beliau.

Mengenai keganasan, Dr Mahathir berkata, negara-negara Islam mesti bersatu dalam mempertahankan imej Islam yang kini digambarkan sebagai agama yang menggalakkan keganasan.

"Malaysia terus percaya bahawa satu definisi terorisme yang diterima secara universal adalah penting untuk membolehkan masyarakat antarabangsa mengambil usaha bersepadu dan tindakan berkesan menentang keganasan. Punca keganasan juga mesti ditangani," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan, Malaysia yakin dengan keamanan dan penyelesaian masalah, pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa, menerusi rundingan tetapi menolak kaedah menguji kekuatan bagi menentukan "pemenang yang akan mengambil semua harta rampasan".

Ketika Amerika melancarkan perang terhadap Iraq pada Mac lalu, Dr Mahathir yang tidak berganjak daripada dasar tidak menyokong tindakan itu berkata tindakan memulakan peperangan bagi menyelesaikan sebarang konflik antarabangsa adalah amat berbahaya kepada keselamatan dan kestabilan dunia, lebih-lebih lagi kepada negara yang kecil dan lemah.

Katanya, tindakan unilateral ketenteraan terhadap Iraq telah mencabar kewibawaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang diberi mandat oleh masyarakat antarabangsa untuk menjunjung keadilan manusia sejagat, sehingga dilihat seperti 'hilang taring.'

Perkembangan itu, kata Dr Mahathir, mewujudkan satu elemen ketidaktentuan dan ketidakstabilan dalam hubungan antarabangsa, lebih-lebih lagi ketika dunia menjadi unipolar sekarang, dengan yang kuat menundukkan yang lemah dengan kekerasan, tanpa menghiraukan undang-undang antarabangsa.

Dr Mahathir berkata, pendekatan unilateral oleh satu negara ke atas satu negara lain yang berdaulat, dengan alasan untuk menghapuskan kumpulan pengganas, tidak dapat menyelesaikan sebarang masalah.

Sebaliknya langkah ini, hanya akan menyemarakkan kemarahan serta sikap dan tingkah laku ekstremis, yang menggalakkan serangan pengganas terhadap kepentingan negara barat.

Dalam menghadapi isu itu, Malaysia mencadangkan agar Amerika dan dunia amnya menangani keganasan secara menyeluruh iaitu dengan mengenal pasti akar umbinya yang antara lain adalah penindasan, kemiskinan dan ketidakadilan struktur politik, ekonomi dan sosial.

Cadangan ini tidak syak lagi ada banyak kaitan dengan nasib yang menimpa penduduk Palestin khususnya di Tebing Barat dan Segenting Gaza yang terpaksa menggunakan kekerasan dan serangan berani mati bagi membalas dan menghadapi kekejaman askar Israel.

Mengenai Palestin, Perdana Menteri menggesa masyarakat dunia mengutuk tindakan ganas berterusan Israel membunuh rakyat Palestin dengan tidak langsung menghiraukan hak asasi manusia dan perundangan antarabangsa.

Kejayaan pelan damai terbaru bagi mewujudkan keamanan di rantau bergolak itu, masih belum kelihatan.

Pada hakikatnya, keamanan dan kesejahteraan di Asia Barat hanya akan tercapai dengan pengunduran sepenuhnya Israel dari kawasan yang dijajah selepas perang enam hari pada 1967.

Amerika Syarikat harus mengambil tindakan serius, adil dan ikhlas bagi

menjamin kewujudan sebuah negara Palestin yang bebas dan berdaulat.

Sedihnya sedang Malaysia menyuarakan bantahan terhadap pelbagai bentuk tindakan unilateral Amerika terhadap dunia Islam, negara Arab berpecah belah dengan sesetengahnya menyokong serangan AS sedang yang lain membisu dan ada juga yang mengapi-apikan umat Islam agar mengutuk Saddam.

Penghormatan terhadap dasar luar Malaysia yang tegas dan pendirian serta pendapat Dr Mahathir semakin terserlah apabila segala ramalan Perdana Menteri mengenai keadaan di Iraq menjadi nyata.

Kini terbukti Amerika dan sekutunya Britain gagal menguasai seluruh Iraq dan memulihkan keamanan di negara itu walaupun Saddam sudah digulingkan.

Malaysia yakin hanya melalui PBB saja kesejahteraan 21 juta rakyat Iraq dapat diwujudkan kembali dan huru-hara dielakkan.

Kita mahu rakyat Iraq diberikan semula kebebasan mereka secepat mungkin dan sistem multilateral kembali semula dalam mencapai keamanan dunia menerusi PBB dan khasnya dalam menyelesaikan kemelut di Iraq.